

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan



Abang Johari melawat Program Imunisasi COVID-19 remaja 12 hingga 17 tahun di Klinik Kesihatan Kampung Telaga Air, semalam. (Foto Nadiqah Boktar/BH)

Imunisasi remaja di Sarawak tumpu 2 kumpulan sasar

Vaksinasi di Lembah Klang, Labuan selepas selesai program di Kuching

Oleh Mohd Roji Kawi
mroji@nsp.com.my

Kuching: Peringkat awal program imunisasi COVID-19 remaja berusia 12 hingga 17 tahun di Sarawak yang dilaksanakan secara berperingkat bermula semalam hingga hujung minggu ini, memberi tumpuan kepada dua kumpulan sasar.

Ketua Menteri, Dato' Sri Patinggi Abang Johari Abang Openg, berkata kumpulan sasar itu ialah remaja berusia 12 hingga 15 tahun yang ada konorbid serta berusia antara 16 hingga 17 tahun, manakala vaksinasi bagi 12 hingga 15 tahun yang sifat pola dijadual bermula pengujung bulan ini, bergantung kekalahan vaksin yang akan diterima.

"Program imunisasi untuk remaja di Sarawak dilaksanakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Awam khas, sekolah serta klinik kesihatan ditetapkan Jabatan Kesihatan serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB).

"Klinik kesihatan akan membezakan vaksin kepada pelajar bersarasa yang masih ada di kampung, selain remaja yang sudah tidak bersekolah," katanya selepas pelancaran Program imunisasi COVID-19 remaja 12 hingga 17 tahun di Klinik Kesihatan Kampung Telaga Air, semalam.

Seramai 375 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Matang, iaitu kumpulan pertama remaja 16 hingga 17 tahun di negara ini hadir bersama ibu bapa masing-masing untuk menerima suntikan vaksin Pfizer BioNTech.

Abang Johari berkata, janji itu untuk vaksinasi akan diluar mengikuti sekolah dan setiap PPV akan menerima pelajar dari berbagai sekolah setiap hari, manakala bagi remaja di luar bandar, Jabatan Kesihatan akan menghantar pesanan bagi melaksanakan Program Outreach imunisasi COVID-19 di sekolah.

"Ia akan dilaksanakan di dua kawasan, iaitu Bahagian Kapit yang mempunyai 9,334 pelajar diantara 16 sekolah dan 207 pelajar di dua sekolah dalam Bahagian Miri. Program ini untuk memastikan remaja 16 hingga 17 tahun lengkap divaksinasi sehingga sesi persekolahan bermula 3 Oktober ini."

"Bagi yang berusia 12 hingga 15 tahun pula, program imunisasi dijadualkan bermula pada minggu keempat bulan depan,

iaitu antara 22 Oktober hingga 26 Oktober," katanya.

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, remaja berusia 12 hingga 17 tahun di Sarawak berjumlah 289,200 orang merangkumi 10.3 peratus populasi negri ini. Deripada jumlah itu, 96,400 atau 3.4 peratus populasi Sarawak berusia 16 dan 17 tahun, manakala berusia 12 hingga 15 tahun pula 192,800 atau 6.9 peratus.

Abang Johari berkata, ibu bapa digalakkan membangunkan anak mereka yang layak untuk divaksinasi ke semasa PPV yang ditapakkan termasuk di sekolah serta klinik.

Di Kuala Lumpur, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin menerusi cipan di Twitter semalam, memaklumkan suntikan vaksin COVID-19 kepada remaja di Labuan dan Lembah Klang akan diberikan selepas selesai vaksinasi di Sarawak.

"Jawatankuasa Klas Jamuan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) sudah memberi kebenaran pelaksanaan vaksinasi COVID-19 terhadap remaja. Vaksinasi remaja di Sarawak bermula hari ini (semalam), dengan remaja berusia 16 dan 17 tahun dan 12 hingga 15 tahun yang berisiko tinggi atau mempunyai penyakit kronik."

"Ia akan dilanjut oleh Labuan dan Lembah Klang tidak lama lagi. Kita akan memberikan vaksin jenis Pfizer," katanya.